

Kepentingan Pengetahuan Sedia Ada Dalam Bacaan Dan Pemahaman : Satu Sorotan Ringkas

SHUKERY MOHAMED

*Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*
ZAHARAH ABDULLAH
*Sek. Men. Convent
Pulau Tikus, Pulau Pinang*

ABSTRACT

This article discusses the importance of reading in language education. In order to teach reading effectively, there are various factors that should be taken into consideration. Based on research findings, one of the most important factors which contributes to a high level of reading comprehension is 'background knowledge'. The review of literature on 'background knowledge' in this article could help bring about awareness and create interest among teachers teaching reading and help them to explore the subject in a more academic and scientific manner.

Pengenalan

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama bagi semua peringkat persekolahan dan pengajian telah membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu untuk dijadikan sebagai bahasa ilmu. Oleh yang demikian, pengajaran bahasa Melayu di semua peringkat perlu menitikberatkan aspek penguasaan bahasa supaya bahasa ini dapat digunakan dengan berkesan dalam kehidupan harian dan dalam bidang ilmu. Penguasaan bahasa melibatkan beberapa kemahiran asas iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan memahamkan serta menulis.

Artikel ini akan memberi tumpuan kepada kemahiran yang kedua iaitu kemahiran membaca dan memahamkan. Fokus utama perbincangan ialah tentang perhubungan di antara pengetahuan sedia ada (skemata) pelajar dengan pemahaman isi kandungan teks. Penulis memberi tumpuan utama kepada tajuk di atas kerana pengetahuan sedia ada boleh membantu murid-murid memahami isi kandungan teks dengan lebih baik terutamanya bagi teks yang membicarakan tentang aktiviti dan latar masyarakat yang berlainan budaya.

Objektif Pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan 4

Pendidikan Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah lebih menekankan kemahiran asas yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah iaitu kemahiran lisan (mendengar dan bertutur), membaca, menulis dan tatabahasa yang meliputi aspek mekanis, penggunaan dan penakulan. Rasional pengajaran bahasa Melayu di peringkat KBSR ialah kemahiran berbahasa diberi penekanan yang berat

dalam kurikulum sekolah rendah supaya di akhir persekolahan nanti, pelajar akan dapat menggunakan bahasa sejajar dengan peringkat umur mereka. Pelaksanaan kemahiran bahasa ini diagihkan kepada tiga tahap iaitu :

- a) Pada tahap I, murid dipimpin untuk mendengar, menyebut, mengenal dan membentuk lambang huruf dan perkataan serta menggunakan kemahiran-kemahiran tersebut dalam penulisan
- b) Pada tahap II, penekanan diberi kepada kemahiran belajar melalui pembacaan, perbincangan dan penulisan serta penggunaan bahasa untuk berfikir dan berkomunikasi
- c) Pada tahap III, pelajaran Jawi mula diperkenalkan. Mereka diajar mengeja, membaca dan menulis dengan huruf Jawi.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSR : 1981)

Kemahiran berbahasa ini diteruskan pada peringkat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Pada peringkat ini, matlamat pengajaran bahasa Melayu ialah bertujuan membimbing pelajar menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tak rasmi dan kreatif melalui lisan dan penulisan selaras dengan dasar Pendidikan Kebangsaan. Oleh yang demikian tumpuan diberikan kepada kecekapan berbahasa dan ketetapan berkomunikasi. Di samping itu, pelajar perlu memahami sistem bahasa Melayu yang mampu mengungkap segala bidang ilmu dan kegiatan harian selaras dengan fungssinya sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu pengetahuan yang mencerminkan akal budi rakyat. Pendidikan bahasa Melayu di sekolah menengah meliputi tingkatan 1 hingga tingkatan 5 akan terus meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta memupuk kepekaan terhadap variasi bahasa dalam pelbagai situasi, sistem bahasa dan gaya bahasa yang indah.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM : 1987)

Berlandaskan kepada matlamat dan objektif pendidikan bahasa Melayu KBSR dan KBSM, kemahiran memahami semua bentuk bacaan sangat penting dan diberi penekanan utama selaras dengan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan dan bahasa ilmu yang sewajarnya mampu digunakan oleh pelajar dalam kehidupan seharian. Kemahiran membaca dan memahamkan merupakan komponen penting dalam pengajaran bahasa di peringkat KBSM. Oleh yang demikian Hurai-

Sukatan pelajaran Tingkatan 4 telah menggariskan beberapa kecekapan dan kemahiran berbahasa khusus untuk kedua-dua apsek tersebut iaitu :

- i) Membaca dan memahami kata, frasa dan ayat dalam pelbagai prosa
- ii) Membaca dan memahami peribahasa dan ungkapan yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa
- iii) Membaca dan memahami kata, frasa dan peribahasa yang terdapat dalam bahan puisi seperti pantuan sajak, syair, gurindam, seloka dan bahasa berrima.
- iv) Membaca dan menggunakan kamus untuk membina perkembangan perbendaharaan kata
- v) Membaca senyap dan memahami makna perkataan baru dan sukar dalam pelbagai bidang ilmu dengan merujuk kepada kamus
- vi) Membaca senyap dan memahami fakta, idea, isi-isi penting dan tema dengan kepastasan yang wajar
- vii) Membaca senyap dan memahami fakta, idea, isi-isi penting, hujah-hujah tema dan uratan peristiwa dan rumusan yang terdapat dalam pelbagai bahan
- viii) Membaca senyap dan memahami perutusan, pengajaran yang tersurat dan tersirat serta unsur-unsur dan nilai-nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan yang tekandung dalam bahan sastera moden dan klasik.
- ix) Membaca dan memahami pelbagai bahan prosa dan puisi untuk mengenalpasti dan menyusun maklumat tertentu seperti fakta, idea, isi-isi penting dan syor-syor yang dikemukakan.
- x) Membaca, memahami dan menghayati hasil karya kesusastraan yang baik.

(Kementerian Pendidikan Malaysia : 1989)

Sepuluh kemahiran dan kecekapan khusus yang berkaitan dengan aspek membaca dan memahamkan perlu diterapkan oleh guru dalam pengajaran bahasa Melayu. Selain daripada itu Pusat Perkembangan kurikulum yang telah menyarankan bahawa kesemua kemahiran dan kecekapan yang berkaitan

dengan membaca dan memahamkan perlu diajar dengan menggunakan beberapa strategi seperti berikut:

Penggunaan strategi yang menekankan interaksi pelajar seperti belajar melalui pengalaman sendiri untuk membina keyakinan berbahasa di dalam diri pelajar. Pengalaman ini merujuk kepada pengetahuan sedia ada pelajar tentang perkara yang dibincangkan.

1. Penggunaan bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah dan kamus serta bahan ilmu dan sastera dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan juga sebagai rujukan untuk bacaan luas.
2. Penggunaan Pusat Sumber Sekolah
Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia; 1989).

Berdasarkan strategi di atas, pengajaran membaca dan memahamkan memerlukan kreativiti guru untuk menyediakan teks yang sesuai kepada pelajar. Di samping itu, proses membaca dan memahamkan teks perlu mengambilkira pengetahuan sedia ada pelajar dan menghubungkaitkannya dengan isi kandungan teks. Dengan kata lain pemilihan bahan untuk dijadikan sebagai teks bacaan perlu dilakukan dengan teliti dan mempertimbangkan pengetahuan sedia ada pelajar tentang isi kandungan teks. Lagipun, proses kemahiran membaca dan memahamkan merupakan salah satu komponen kemahiran yang penting dalam KBSM. Oleh yang demikian 10 objektif khusus telah ditetapkan untuk pengajaran kedua-dua kemahiran ini.

Kajian-Kajian Tentang Kesan Pengetahuan Sedia Ada Terhadap Bacaan Dan Pemahaman

Pengetahuan sedia ada pelajar merupakan asas penting dalam mempercepatkan proses pemahaman bacaan. Selain daripada itu proses pemahaman isi kandungan teks juga banyak banyak bergantung kepada sejauh mana pengetahuan sedia ada pelajar tentang latar, aktiviti dan budaya yang dibincangkan di dalam teks. Oleh yang demikian, perhubungan di antar pengetahuan sedia ada pelajar dan isi kandungan teks memainkan peranan penting dalam proses pemahaman. Banyak kajian yang telah dilaksanakan untuk meninjau tentang perhubungan kedua-dua aspek ini.

Hasil kajian beberapa orang pengkaji tentang perhubungan sedia ada dan isi kandungan teks telah menunjukkan pelbagai dapatan. Walau bagaimanapun, aspek yang dihubungkaitkan adalah berbeza dan masing-masing memberi tumpuan tersendiri. Di antaranya ialah Peranan

Pengetahuan Sedia Ada dan Kemampuan Membaca dalam Mempelajari Maklumat Baru Daripada Teks (Lipson, 1982), Kesan Perhubungan Sikap dan Pemahaman Isi Kandungan Teks (Henk & Holmes, 1988), Memproses Teks : Pengaruh struktur Teks, latar belakang pengetahuan dan Tujuan (Birkmire, 1985), Beberapa Isu Di Luar Jangkaan dalam Pengajaran Sedia Ada dan Pemahaman (Lipson, 1984), Masalah Membaca dan Pengajaran (Beck, 1981) dan Peningkatan Kemahiran membaca Untuk pemelajaran Yang Berkesan dan Keperluan Masa Depan (Hashim Othman, 1995).

Beck (1981) di dalam kajiannya telah menegaskan bahawa pengetahuan sedia ada pelajar memainkan peranan penting dalam pemahaman isi kandungan teks. Selain daripada itu beliau telah menegaskan bahawa pemahaman bergantung kepada beberapa aspek iaitu linguistik, konseptual, kognitif dan kemampuan pengetahuan am. Hasil kajiannya juga menunjukkan bahawa apabila berlaku interaksi dengan teks, pelajar akan membina kefahaman dan makan di dalam teks tersebut. Kemudian proses ini dimasukkan ke dalam ingatan. Pada pandangannya, pemahaman ialah proses interaktif di antara pengetahuan sedia ada dengan isi kandungan teks yang dibaca. Beliau meyimpulkan bahawa pengetahuan sedia ada telah menyediakan rangka kerja kepada pembaca untuk membantu proses asimilasi maklumat baru. Jelas di sini, kekurangan pengetahuan tentang isi kandungan teks merupakan punca masalah dalam pemahaman.

Hasil kajian Beck (1981) telah menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada memainkan peranan penting dalam proses pemahaman. Pemahaman isi kandungan teks bergantung kepada rangkaian maklumat yang terdapat dalam pemikiran pembaca. Rangkaian maklumat ini merupakan pengetahuan sedia ada mereka. Oleh itu, proses pemahaman isi kandungan teks bagi pelajar bergantung kepada sejauh mana pengetahuan sedia ada pelajar tentang isi kandungan teks yang dibaca. Sebaliknya, jika pelajar kekurangan pengetahuan sedia ada tentang isi kandungan teks, mereka akan menghadapi masalah dalam proses pemahaman. Bentuk perhubungan pengetahuan sedia ada pelajar dan pemahaman isi kandungan teks boleh membantu guru mempercepatkan proses pemahaman bacaan pelajar dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.

Lipson (1984) pula telah menyatakan bahawa membaca bukan merupakan aktiviti yang pasif, sebaliknya suatu aktiviti yang aktif dan konstruktif. Malah aktiviti ini melibatkan interaksi di antara pembaca, teks, tugas dan tujuan. Beliau telah menjalankan dua kajian untuk membuktikan andaianya. Kajian pertama dilaksanakan pada tahun 1982. Kajian ini mengkaji tentang kesan pengetahuan sedia ada dan

kebolehan membaca dan memahamkan teks yang telah didedahkan. Sampel telah didedahkan telebih dahulu dengan maklumat yang akan digunakan dalam soalan pemahaman. Pada minggu berikutnya, 8 rencana dipilih dan sampel diminta untuk menjawab 6 soalan. Hasil kajian Lipson (1982) telah menunjukkan bahawa :

1. semasa memberi maklumat (menjawab soalan) sampel bergantung lebih banyak kepada pengetahuan sedia ada jika dibandingkan dengan maklumat daripada isi kandungan teks.
2. Jika pengetahuan sedia ada sampel tentang tajuk tersebut kurang atau tiada, sampel akan bergantung kepada maklumat daripada isi kandungan teks.
3. Sampel lebih suka menjawab tidak tahu daripada memberi maklumat yang tidak tepat.

Hasil kajian Lipson (1982) ini telah membuktikan bahawa terdapat perhubungan yang kukuh di antara pengetahuan sedia ada pelajar dengan proses pemahaman isi kandungan teks. Malah jawapan pelajar terhadap soalan pemahaman juga bergantung kepada pengetahuan sedia ada mereka. Lagipun jika pelajar kekurangan maklumat tentang isi kandungan teks, mereka hanya menjawab tidak tahu dan tidak mencipta maklumat baru.

Untuk memperkuatkan hasil kajiannya, Lipson (1984) telah menjalankan satu lagi kajian. Seramai 32 orang sampel daripada agama Hebrew dan Katholik diminta untuk membaca dan mengingat semula 3 teks yang mempunyai isi kandungan yang berbeza budaya iaitu tentang budaya Hebrew, Katholik dan Ama (Jepun). Hasil kajiannya telah menunjukkan bahawa :

1. Sampel menjawab soalan dengan baik dan kurang membuat kesalahan apabila membaca teks yang membincangkan tentang budaya dan agama mereka sendiri. Sampel Katholik mendapat markat yang tinggi bagi Teks tentang Katholik dan begitu juga sampel Hebrew.
2. Sampel menjawab soalan dengan baik dan kurang membuat kesalahan apabila membaca teks yang membincangkan tentang budaya asing iaitu tentang Ama (Jepun)
3. Sampel tidak memperolehi markat yang tinggi dan banyak membuat kesalahan bagi teks yang separuh asing seperti sampel Hebrew apabila menjawab teks tentang Katholik dan begitulah juga bagi sampel Katholik apabila menjawab teks tentang Hebrew.

Berdasarkan dapatan di atas, Lipson (1984) telah merumuskan bahawa pelajar boleh memahami dengan baik teks yang asing dan teks yang tidak asing bagi mereka. Sebaliknya sampel telah menolak teks yang sebahagian sahaja asing bagi mereka. Dengan kata lain, kajian Lipson (1984), telah membuktikan bahawa pengetahuan sedia ada yang mencukupi telah membantu pelajar untuk memahami teks dengan baik. Walau bagaimanapun, ketiadaan pengetahuan sedia ada tentang isi kandungan sesuatu teks (yakni teks asing) juga menyebabkan pelajar membaca teks dengan teliti dan boleh memahaminya dengan baik. Namun jika pelajar mempunyai pengetahuan sedia ada yang terbatas tentang sesuatu teks dan teks itu tidak asing kepada mereka, pelajar akan menghadapi masalah pemahaman dan banyak membuat kesalahan yakni pelajar menolak teks tersebut. Jadi melalui kajian ini terdapat 3 bentuk perhubungan pengetahuan sedia ada dengan pemahaman isi kandungan teks iaitu

1. pengetahuan sedia ada yang mencukupi akan membantu proses pemahaman isi kandungan teks
2. ketiadaan pengetahuan sedia ada juga membantu pelajar dalam proses pemahaman isi kandungan teks apabila pelajar memberi lebih tumpuan kepada isi kandungan kerana teks tersebut sangat asing kepada mereka.
3. Pengetahuan sedia ada pelajar terbatas tentang isi kandungan teks yang tidak asing telah menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam proses pemahaman.

Dapatan kajian Lipson (1983) telah melengkapkan hasil kajiannya yang terdahulu yang menunjukkan perhubungan yang kukuh di antara pengetahuan sedia ada dengan pemahaman isi kandungan teks iaitu pengetahuan sedia ada yang mencukupi tentang isi kandungan teks akan membantu pelajar memahami teks dengan baik. Walau bagaimanapun, dapatan kajian beliau tentang perhubungan pengetahuan sedia ada yang terbatas atau kurang tentang isi kandungan teks tidak membantu pelajar dalam proses pemahaman merupakan satu dapatan baru.

Satu lagi kajian tentang perhubungan pengetahuan sedia ada dengan pemprosesan isi kandungan teks telah dilakukan oleh Birkmire (1985). Dalam kajiannya beliau telah menghubungkaitkan di antara pemprosesan teks dengan pengaruh struktur teks, pengetahuan sedia ada dan juga tujuan membaca. Sampel kajian merupakan 45 orang pelajar bidang jurutera dan 45 orang pelajar bidang muzik. Mereka diminta untuk membaca 3 jenis teks yang berbeza iaitu tentang nota muzik, asal -usul pancaran laser dan tentang 'parakeets' (sejenis burung kakak tua). Sampel diminta membaca teks tersebut ayat demi ayat. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kadar memperolehi maklumat daripada teks bergantung kepada posisi dalam struktur teks dan pengetahuan sedia ada sampel tentang isi kandungan teks, dan individu boleh mengubahsuai kadar bacaan bergantung kepada tujuan membaca dan pengetahuan latar mereka atau pengetahuan sedia ada mereka tentang isi kandungan teks tersebut.

Dapatan kajian Birkmire (1985) juga telah menunjukkan perhubungan yang kukuh di antara pengetahuan sedia ada sampel dengan pemahaman isi kandungan teks. Pengetahuan sedia ada tentang isi kandungan teks telah membantu sampel mempercepatkan kadar bacaan dan membantu mereka dalam proses pemahaman. Oleh yang demikian pengetahuan sedia ada telah membantu menyediakan maklumat latar tentang isi kandungan teks dan seterusnya mempercepatkan proses pemahaman isi kandungan teks.

Peranan pengetahuan sedia adalah sangat penting dalam usaha membantu proses pemahaman isi kandungan. Kenyataan ini bukan sahaja merupakan generalisasi daripada dapatan kajian Lipson (1982 dan 1984) dan Birkmire (1985) tetapi juga disokong oleh beberapa orang tokoh pendidikan terutamanya yang pakar dalam bidang bacaan. Di antaranya ialah Neil Anderson (1999). Semasa memberi ceramah dalam satu bengkel, Anderson (1999) telah menegaskan bahawa guru perlu mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar semasa proses membaca dan memahamkan. Beliau juga berpendapat bahawa kadar bacaan mempunyai hubungan yang erat dengan kadar pemahaman. Oleh yang demikian pelajar yang boleh membaca dengan pantas boleh menambah kemahiran memahamkan isi kandungan teks. Peranan guru pula ialah menyediakan pelajar tentang maklumat yang diperlukan dan berkaitan dengan isi kandungan teks sebelum proses membaca. Langkah ini dapat membantu pelajar membuat peta minda dan mencungkil pengetahuan sedia ada mereka tentang isi kandungan teks.

Selain itu, Beck (1981) berpendapat bahawa apabila berlaku interaksi dengan teks, pelajar akan membina kefahaman dan makna di dalam teks tersebut. Kefahaman dan makna ini akan dimasukkan ke dalam ingatan. Oleh yang demikian beliau merumuskan bahawa proses pemahaman ialah proses interaktif di antara pengetahuan sedia ada dengan isi kandungan teks yang dibaca. Beck juga berpendapat bahawa pengetahuan sedia ada telah menyediakan rangka kepada pembaca untuk membantu asimilasi maklumat baru.

Anderson (1999) dan Beck (1981) telah menunjukkan bahawa sebelum proses membaca sesuatu teks, guru perlu mengetahui kadar pengetahuan sedia ada pelajar tentang isi kandungan teks tersebut. Di samping itu, pelajar perlu mempunyai maklumat yang mencukupi tentang isi kandungan teks kerana pengetahuan sedia ada pelajar dapat membantu mereka dalam proses pemahaman isi kandungan. Di samping itu, pengetahuan sedia ada juga berfungsi untuk menyediakan skemata tentang isi kandungan teks sebelum proses membaca dan memahamkan isi kandungan teks.

Tinjauan bacaan dan kajian terdahulu telah membuktikan bahawa kurang kajian tentang perhubungan sedia ada dengan isi kandungan teks yang dilaksanakan oleh pengkaji tempatan. Oleh yang demikian kajian tentang perhubungan sedia ada pelajar dengan pemahaman isi kandungan adalah relevan untuk dikaji di Malaysia.

Berdasarkan kepada tinjauan bacaan dan kajian yang telah dibincangkan di atas, kajian Lipson (1984) patut dijadikan sebagai teras teori bagi melaksanakan strategi pengajaran dan pemelajaran bacaan dan pemahaman di pintu darjah. Hasil daripada kajian Lipson (1984) tentang perhubungan pengetahuan sedia ada dengan pemahaman isi kandungan teks menegaskan :

1. pengetahuan sedia ada yang mencukupi akan membantu proses pemahaman isi kandungan teks
2. ketiadaan pengetahuan sedia ada juga membantu pelajar dalam kproses pemahaman isi kandungan teks apabila pelajar memberi lebih tumpuan kepada isi kandungan keranan teks tersebut sangat asing kepada mereka
3. pengetahuan sedia ada pelajar terbatas tentang isi kandungan teks yang tidak asing telah menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam proses pemahaman.

4.0

Kesimpulan

Secara amnya dapatlah dirumuskan bahawa kemahiran membaca dan memahamkan merupakan kemahiran penting dalam KBSM. Sebanyak 10 objektif khusus telah disediakan oleh pihak perancang kurikulum tentang kemahiran membaca dan memahamkan. Di samping itu, strategi pengajaran membaca dan memahamkan yang telah disarankan perlu mengambilkira pengetahuan sedia ada pelajar iaitu semasa pemilihan teks. Isi kandungan teks yang hendak digunakan oleh guru semasa pengajarannya perlu bersesuaian dengan pengetahuan yang sedia ada pelajar. Jelas sekali tinjauan kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada memainkan peranan penting untuk membentuk proses pemahaman isi kandungan teks. Perhubungan ini begantung kepada sejauh mana pengetahuan sedia ada pelajar tentang isi kandungan teks yang dipilih oleh guru, iaitu sama ada pelajar mempunyai pengetahuan sedia ada yang mencukupi, terbatas atau tiada langsung. Para pendidik khususnya guru matapelajaran bahasa Melayu perlu menggunakan skemata atau pengetahuan sedia ada murid-murid dalam pengajaran dan pemelajaran bacaan dan pemahaman. Penggunaan strategi pengajaran yang teliti berserta dengan penggunaan skemata yang relevan akan menjadikan pemelajaran bacaan dan pemahaman lebih bekesan dan bermakna.

BIBLIOGRAFI

- Anderson, Neil (1999), dalam Simrit Kaur, **Reading Skills Important for Language Propiciency**, The Sunday Star, 31 Januari 1999, Petaling Jaya : Star Publication.
- Beck. L. Isabel (1981), **Reading Problems and Instructional Practice**, dalam Reding Research Advances in Theory And Practice Volume 2, London : Academic Press.
- Birkmire, P. Deborah (1985), **Text Processing, The Influence of Text Structure and Background Knowledge and Purpose**, dalam Reading Research Quarterly, Vol. XX No. 3, Spring 1985
- Hashim Othman (1995), **Peningkatan Kemahiran Membaca Untuk Pemelajaran Yang Berkedan dan Keperluan Masa Depan**, Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 39:3, Mac 1995, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henk, A. William & Holmes, C. Bettey (1988), **Effects of Content-Related Attitude on Comprehension and Retention of Expository Text**, dalam Reading Psychology : An Internatioanl Quarterly 9 : 203 - 225, Hemisphere Publsihing Corporation.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1981), **Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Baru Sekolah Rendah**, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1987), **Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah**, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1989), **Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Tingkatan 4**, Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lipson, Y. Majorie (1982), **Learning New Information From Text ; The Role of Prior Knowledge and Reading Ability** dalam Journal of Reading Behavior 1982, Volume XIV, No. 3
-
- (1984), **Some Unexpected Issues in Prior Knowledge and Comprehension**, dalam The Reading Teacher, April 1984.